

FONOLOGI DAN MORFOLOGI DIALEK NEGERI SEMBILAN
KAJIAN KES DI MUKIM TANJUNG KELING, REMBAU

ABU HASSAN BIN MOHD YUSOF

JABATAN PERSURATAN MELAYU
UNIVERSITI KEERANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1983

FONOLOGI DAN MORFOLOGI DIALEK NEGERI SEMBILAN:
KAJIAN KES DI MUKIM TANJUNG KELING, REMBAU

OLEH

ABU HASSAN BIN MOHD YUSOF

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANAMUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1982/1983

istimewa buat:

ayah yang dah pergi;
ibu yang tak jemu-jemu
mendoakan kejayaanku;

isteri yang begitu memahami
serta anak-anak
yang belum mengerti
dan

adik-adik yang masih lekakan
keagungan syurga dunia.

apo na? dikato

pai pohan nãe? bosika

toñah aŷi toñah panah

apo dayo mōtoñ gotah

apo nã? dikato

kalau boleh nã? jadi ce?gu s^okolah

ke? kolo pilah

sawah leba kobau baña?

ae pigi sojo? sokali

supi sopi ta?do oŷaŷ

apo nã? dikato

kalau boleh nã? biseñ-biseñ

mācam pohan tampen

tana? nasi? boŷeh kampon

māsa? loma? cili api

māsen padi ta?do lai

apo nã? dikato

ŷamāi oŷaŷ dah koŷo kilan

ke? pohan soŷomban

batu ŷampe? tolo? komāñ

tampe? oŷaŷ māndi-māndo

aŷi minggu ponoh sosa?

apo mā? dikato

ae laot botambah māsen

ke?pohan po? de?sen

PENGHARGAAN

Bismilla - hirrahma - Nirrahim

Terlebih dahulu yang mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana telah melimpahkan taufik dan hidayat-Nya sehingga dapat saya sempurnakan latihan ilmiah ini pada masa yang telah ditetapkan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa terima kasih serta terhutang budi saya kepada Prof. Madya Dr. Farid M. Onn, Pengarah Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM, kerana sudi menjadi penyelia serta pembimbing saya didalam menyempurnakan latihan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar serta pandangan telah saya gunakan sepenuhnya di dalam kajian ini. Mudah-mudahan, segala jasabaik akan saya hargai dan menjadi kenangan di sepanjang hayat.

Tidak lupa juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk-penduduk di Mukim Tanjung Keling, Rembau, yang telah memberikan kerjasama yang begitu

menggalakkan di dalam usaha saya untuk memperolehi daftar kata dialek ini untuk kajian ini. Kepada Ketua Kampung, Kampung Tanjung Keling, Encik Mohd. Lazim, lebih-lebih lagi ibu penulis, Hasnah bt. Malek, serta nenda penulis sendiri, Mendek bt. Hj. Hassan, yang telah banyak membantu penulis terutama di dalam usaha mengumpulkan daftar kata dialek kajian ini. Juga, kepada pegawai-pegawai di Pejabat Daerah Rembau yang telah turut memberikan kerjasama, saya ucapkan terima kasih. Semoga budi baik kalian akan diberkati Allah jua.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya rakamkan khusus untuk isteri saya, Hayati bt. Ismail serta anak-anak, Hasfariza dan Hasyima, yang begitu bersimpati ketika menghasilkan kajian ilmiah ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menghasilkan latihan ilmiah ini.

Abu Hassan b Mohd Yusof,
K9B-112, Komsis 'C',
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Selangor.

24 Januari, 1983.
10 Rabiul-Awal, 1403.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	iii

BAB 1

PENGENALAN

1.1	Pendahuluan ..	...	1
1.2	Penggolongan Dialek	...	2
1.3	Dialek Kajian	...	5
1.4	Kawasan Kajian	...	8
1.5	Pengumpulan Data	...	9
1.6	Masalah Kajian <i>"Kandungan"</i>	...	11
1.7	Tujuan Kajian	...	13
1.8	Organisasi dan Abreviasi	...	16
NOTA		...	19

BAB 2

FONOLOGI

2.0	Definisi	..	..	..	..	21
2.1	Inventori Konsonan	..	..	..	..	23
2.1.1	Plosif	..	..	..	..	25
2.1.2	Afrikat	..	..	..	..	29
2.1.3	Nasal	..	..	..	..	30
2.1.4	Lateral	..	..	..	..	33
2.1.5	Frikatif	..	..	..	..	34
2.1.6	Frikatif Alveolar	..	..	..	..	37
2.1.7	Hentian Glotis	..	..	..	..	38
2.1.8	Frikatif Glotal	..	..	..	..	39
2.1.9	Separuh Vokal	..	..	..	..	42
2.2	Konsonan Pinjaman			..	..	44
2.3	Inventori Vokal	..	..	..	..	47
NOTA	..	..	..	..	..	59

BAB 3

MORFOLOGI

3.0	Pendahuluan	..	..	..	..	60
3.1	Kata Akar	..	..	..	..	62

3.1.1	Kata Akar yang Monosilabik	..	64
3.1.2	Kata Akar yang Bisilabik	..	64
3.1.3	Kata Akar yang Trisilabik	..	67
3.1.4	Kata Akar yang 4 Silabik	..	68
3.2	Kata Partikel		70
3.2.1	Kata Bilangan		71
3.2.2	Pengkuantitian		72
3.2.3	Interogatif		72
3.2.4	Kata Penghubung		73
3.2.5	Preposisi		74
3.2.6	Negatif		75
3.2.7	Emfatik		76
3.2.8	Afirmatif		77
3.2.9	Interjeksi		77
3.3	Imbuhan		78
3.3.1	Awalan		79
3.3.1.1	Awalan [pɔŋ]		79
3.3.1.2	Awalan [mɔŋ]		81
3.3.1.3	Awalan [bɔ]		82
3.3.1.4	Awalan [tɔ]		83
3.3.1.5	Awalan [di]		84
3.3.1.6	Awalan [sɔ]		86

3.3.2	Akhiran	..	...	87
3.3.3	Imbuhan Terbahagi		...	88
3.4	Kesimpulan	..	...	90
NOTA	..	..	..	91

BAB 4

BEBERAPA PROSES FONOLOGI DAN MORFOLOGI

4.1	Proses-Proses Fonologi	...	92
4.1.1	Pengguguran - ɔ	...	92
4.1.2	Penyisipan - ɔ	...	96
4.1.3	Metatesis	..	97
4.1.4	Nasalisasi	..	100
4.1.5	Palatalisasi dan Labialisasi		105
4.1.6	Penyisipan Glotis	...	109
4.2	Proses-Proses Morfologi	...	110
4.2.1	Afiksasi(Pengimbuhan)	...	111
4.2.2	Reduplikasi(Pengimbuhan [?])	...	119
4.2.3	Proses Pemendekan Kata	...	123
4.3	Morfofonemik	..	125
4.4	Kesimpulan	..	126
NOTA	...	..	128

BAB 5DNS dan BMS: SEDIKIT PERBANDINGAN

5.1	Pendahuluan	..	...	130
5.2	Konsep Dialek dan Bahasa Standard			131
5.3	Perbandingan Antara DNS dan BMS			133
5.3.1	Fonologi	..	...	133
5.3.1.1	Penyebaran Konsonan		...	134
5.3.1.2	Penyebaran Vokal		...	137
5.3.1.3	Urutan Vokal	..	...	140
5.3.2	Morfologi	..	...	143
5.3.3	Kata-Kata Daerah		...	147
NOTA	...	..	...	150

BAB 6

PENUTUP	..	..	...	151
NOTA	...	..	...	156

LAMPIRAN

BIBLIOGRAFI

BAB 5

DNS dan BMS : SEDIKIT PERBANDINGAN

5.1. Pendahuluan

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa DNS, di samping dialek-dialek lain khususnya di TM, adalah tergolong ke dalam rumpun BM. Oleh kerana itu, DNS sudah barang tentu mempunyai unsur persamaan dan perbezaannya dengan BMS. Justru kerana itu, di dalam bahagian ini penulis akan mencuba menonjolkan beberapa bentuk perbezaan di antara DNS dengan BMS.

Perbincangan mengenai perbezaan, di antara lain, akan menyentuh aspek-aspek fonologi, morfologi dan kosa kata. Mengenai fonologi, tumpuan akan diberikan ke atas beberapa fonem konsonan dan vokal; dan bidang morfologi pula akan menyangkut proses pengimbuhan yang menjadi ciri pembeza di antara DNS dengan BMS.

Bahagian akhir bab ini akan disenaraikan di antara kata-kata daerah khusus yang terpakai di

daerah atau kawasan kajian penulis.

5.2. Konsep Dialek dan Bahasa Standard

Kata 'dialek' berasal daripada bahasa Yunani, 'dialektos', dan ditakrifkan oleh Panitia Atlas bahasa-bahasa Eropah sebagai sistem kebahasaan yang dipergunakan oleh satu masyarakat untuk membezakannya daripada masyarakat lain yang bertetangga yang mempergunakan sistem yang berlainan walaupun erat hubungannya (Ayatroheidi, 1979 : 1). Jadi, dialek adalah merupakan kelainan bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu komuniti bahasa. Dialek juga dapat dibezakan dengan tegas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Ragam bahasa ini pula terdapat dalam daerah geografi tertentu dan di dalam suasana sosial tertentu (Collins, 1981: 94). Dengan ini ternyata bahawa dialek adalah bersifat tempatan, dan menekankan kepada masyarakat penutur yang kecil jumlahnya selain daripada sebagai satu kelainan.

Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa dialek adalah sebagai suatu variasi kepada satu

bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek mempunyai bentuk tertentu, dituturkan dalam kawasan tertentu dan berbeza daripada bentuk yang standard dari segi sebutan, tatabahasa dan penggunaan kata-kata tertentu, tetapi perbezaannya tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain (Pei & Graynov, 1960: 56).

Garvin dan Mathiot (1969) mendefinisikan bahasa standard sebagai satu bahasa yang bentuknya telah dikodifikasikan, diterima dan bertugas sebagai model atau norma bagi komuniti bahasa yang lebih luas (Nik Safiah Karim, 1981: 78). Einar Haugen (1972) mendefinisikan bahasa standard sebagai kelainan bahasa yang menggambarkan keseragaman dalam bentuk dan fungsi (Nik Safiah Karim, 1981: 78).

Menurut Asmah Hj. Omar (1977: 2) pula;

- ...bahasa standard merupakan kelainan bahasa, yakni dialek, yang diterima oleh semua anggota dalam masyarakat bahasa yang berkenaan, yang dijadikan norma atau dialek prestij, yakni sebagai dialek yang digunakan dalam hubungan tak bersahaja dan resmi dan juga sebagai dialek yang digunakan sebagai bahasa pengantar pelajaran.

Daripada tiga pendapat yang diutarakan di atas, saya lebih cenderung, malah bersetuju dengan Nik Safiah Karim (1978) yang mengatakan bahawa norma bagi BMS hari ini adalah bahasa seperti yang digunakan di TV dan juga Radio Malaysia, di samping bentuk pertuturan golongan elit. Oleh kerana bentuk pengucapan di TV mahupun di Radio Malaysia dianggap sebagai bentuk yang standard, maka DNS adalah berbeza, dan perbezaan ini ketara sekali sama ada dari segi fonologi, morfologi mahupun sintaksisnya.

5.3. Perbandingan Antara DNS dan BMS

Dalam bahagian ini, penulis akan hanya membicarakan dari sudut fonologi: konsonan, vokal dan juga urutan vokal; morfologi: imbuhan moN, poN, di dan kan; dan akhir sekali mengenai kosa kata DNS.

5.3.1. Fonologi

Oleh kerana BMS itu sudah maju dan berkembang, maka banyak kata asing diambil dan diterapkan ke dalamnya sehingga pemakaiannya begitu serasaⁱ dengan penutur masyarakat di negara ini. Dengan demikian,

terdapat pertambahan di dalam bilangan fonem khususnya, konsonan BMS. Sebaliknya, DNS masih begitu juga, tidak terdapat sebarang kemasukan fonem-fonem baru.

5.3.1.1. Penyebaran Konsonan

Satu perkara yang menarik perhatian penulis ialah mengenai ketidak-hadiran bunyi glotal [ʔ] di kedudukan awal kata sama ada pada bentuk dasarnya mahupun pada bentuk fonetiknya. Ini bertentangan dengan BMS dan dialek Melayu Johor khususnya di mana bunyi glotal 'ʔ' kerap didapati hadir di posisi awal kata terutama apabila satu-satu kata itu bermula dengan bunyi-bunyi vokal. Ini dapat dilihat melalui contoh yang diberikan oleh Farid M. Onn(1980); iaitu apabila kata-kata seumpamanya diimbuhkan dengan awalan di, maka terdapat penyisipan bunyi glotal 'ʔ' yang bertujuan untuk memisahkan dua bunyi vokal yang berdekatan. Sebaliknya, dalam DNS, berlaku pula penyisipan 'y' atau proses palatalisasi. Kalaupun bunyi glotal terdapat di kedudukan awal kata dasar yang berawalkan fonem vokal, nescaya penyisipan 'y' tidak akan berlaku. Perhatikan contoh:

<u>Dasar</u>	<u>DNS</u>	<u>BMS</u>
/di-ambil/	[diyambe?]	[diʔambel]
/di-ubat/	[diyubaʔ]	[diʔubat]
/di-ensot/	[diyɛnsot]	[diʔensot]
/di-oncet/	[diyɔncɛt]	[diʔoncet]

Bagaimanapun, terdapat juga kekecualiannya, iaitu apabila kata akar yang berawalkan vokal [i]. Dalam hal ini, kehadiran dua bunyi yang hormoganik tidak dibenarkan dalam dialek ini. Oleh itu satu bunyi 'i' kena digugurkan. Misalnya:

	<u>DNS</u>	<u>BMS</u>
/di-intai/	[dintai]	[diʔintai]
/di-ikut/	[dikut]	[diʔikot]
/di-hilang/	[dilanɣ]	[diʔilanj]
/di-hisap/	[disap]	[diʔisap]

Walaupun nasal 'n' didapati hadir di semua lingkungan kata baik dalam BMS mahupun dalam DNS, namun terdapat juga perbezaannya. Jika dalam BMS, nasal 'm' dikekalkan daripada bentuk dasar selepas vokal depan tinggi 'i' terutama di kedudukan akhir kata, maka dalam DNS, akan digunakan nasal 'n' di representasi fonetiknya.

	<u>DNS</u>	<u>BMS</u>
/kadim/	[koden]	[kadem]
/malim/	[malen]	[malem]
/kiyim/	[kiyen]	[kiyem]

Dalam BMS, velar 'ŋ' dibenarkan wujud atau hadir bersama fonem 's' di kedudukan^{akhir} sesuatu kata. Sebaliknya, dalam dialek ini pula, keadaan ini tidak dibenarkan. Jika dalam BMS, 'ŋ' boleh diikuti oleh bunyi alveolar 's', maka dalam dialek ini pula akan digunakan bunyi nasal 'n', seperti:

<u>DNS</u>	<u>BMS</u>	
[bansa]	[baŋsal]	'bangsal'
[pansa]	[paŋsa]	'pangsa'
[lanse]	[laŋse]	'langsir'
[bansa]	[baŋsa]	'bangsa'

Perbezaan seterusnya ialah mengenai kehadiran bunyi fonem 'h'. Dalam BMS, bunyi ini dibenarkan hadir di semua lingkungan kata. Sebaliknya, dialek ini tidak membenarkan kehadiran bunyi 'h' pada kedudukan awal kata. Dengan kata lain, 'h' di awal kata dalam DNS akan digugurkan. Misalnya, 'hangat'

diucapkan sebagai [ãjẽ?], 'hanyut' sebagai [ãjũt], 'habis' pula sebagai [abih]. Malah, jika dalam BMS 'h' hadir di antara bunyi-bunyi vokal rendah dan tinggi, yaitu sama ada antara 'a' dan 'u' atau antara 'a' dan 'i'; malah, antara 'ə' dan 'ə' juga, maka 'h' di posisi sedemikian akan digugurkan dalam dialek ini. Misalnya, 'tahu' menjadi [tau], 'mahu' menjadi [mãũ], 'tahi' menjadi [tai?], 'sahut' menjadi [saut], 'peha' menjadi [paɔ]. Seterusnya, jika 'h' pada bentuk dasarnya dikelilingi oleh fonem-fonem 'i' dan 'a' atau 'e' dan 'i', maka dalam dialek ini 'h' akan direalisasikan sebagai 'y', sedangkan dalam BMS akan dikekalkan penyebutannya.

<u>DNS</u>	<u>BMS</u>	
[kɔsiyan]	[kasehan]	'kasihan'
[lɔbiyan]	[lɔbehan]	'lebian'

5.3.1.2. Penyebaran Vokal

Sistem vokal BMS mengandungi bunyi-bunyi 'i', 'e', 'ɛ', 'a', 'ɔ', 'o', 'u' dan 'ə'. Tetapi dalam DNS, vokal tengah [ə] tidak pernah digunakan atau diwujudkan di representasi fonetiknya.

Satu hal yang menonjol dan membezakan penyebaran vokal DNS dan BMS ialah kehadiran vokal 'a' di kedudukan akhir kata. Seperti yang telah dihuraikan di dalam Bab 2 bahawa BMS berkecenderungan menggunakan vokal tengah [ə] sebagai realisasi fonetik kepada bentuk dasar yang berakhiran bunyi 'a'. Sebaliknya, dialek ini mengubahnya kepada bunyi vokal 'ɔ'.

	<u>DNS</u>	<u>BMS</u>
/ada/	[adɔ]	[adə]
/gula/	[gulɔ]	[gulə]
/siapa/	[sapɔ]	[siapə]

Malah, vokal 'a' yang didahului oleh segmen 's' pada kedudukan akhir kata dan diucapkan sebagai [as] dalam BMS, dalam dialek ini akan menjadi [ɛh].

<u>DNS</u>	<u>BMS</u>	
[kɔʃɛh]	[kəʃas]	'keras'
[mālɛh]	[mālas]	'malas'
[tɔbɛh]	[təbas]	'tebas'

Jika fonem 'a' didahului oleh bunyi 't' di kedudukan akhir kata dan diucapkan sebagai [at], maka dalam

dialek ini pula dibunyikan sebagai [ɛʔ]. Misalnya:

<u>DNS</u>	<u>BMS</u>	
[lambeʔ]	[lambat]	'lambat'
[boʔɛʔ]	[bəʔat]	'berat'
[dapeʔ]	[dapat]	'dapat'

Bagaimanapun, vokal [a] yang diucapkan sebagai [a] dalam BMS, dikekalkan dalam dialek ini. Misalnya, [boʔa] 'bola', [lawə] 'lawa' dan sebagainya. Namun demikian, terdapat juga 'a' selepas konsonan terutama di kedudukan awal kata, dalam dialek ini diucapkan sebagai bunyi 'o'.

<u>DNS</u>	<u>BMS</u>	
[boʔdan]	[baʔdan]	'badan'
[joʔmaʔ]	[zaʔmaʔ]	'zaman'
[koʔtam]	[xaʔtam]	'khatam'
[koʔden]	[kaʔdem]	'kadim'
[goʔit]	[waʔjeʔ]	'wajik'

Dialek ini juga mengubah bunyi vokal 'ə' kepada bunyi 'o'.

<u>DNS</u>	<u>BMS</u>	
[soʔdap]	[soʔdap]	'sedap'

[pədəh]	[pədas]	'pedas'
[ə̃ntah]	[ə̃ntah]	'entah'

Seperkara lagi yang aneh mengenai dialek ini ialah terdapatnya proses peninggian vokal (vocal raising) terutama di kedudukan sukukata awal kata. Tegasnya, vokal 'o' dalam BMS akan berubah menjadi bunyi vokal 'u' dalam dialek ini. Perhatikan contoh:

<u>DNS</u>	<u>BMS</u>	
[buleh]	[boleh]	'boleh'
[guti]	[yoti]	'roti'
[gusa?]	[yosa?]	'rosak'

5.3.1.3. Urutan Vokal

Walaupun dalam BMS terdapat urutan vokal,¹ tetapi di dalam kajian ini hanya dua bentuk sahaja yang disentuh sebagai perbandingan, iaitu [ia] dan [ua]. Kedua-dua bentuk ini terdapat di sukukata awal kata seperti 'siapa', 'niaga', 'biawak', 'tualala', 'kuala', 'puasa', 'suara', 'kuasa' dan seumpamanya. Kata-kata seperti ini mengandungi tiga sukukata dan berstruktur KVVKV(K). Dalam dialek ini, gejala seperti

ini tidak pernah wujud. Kata-kata dalam BMS yang berstruktur demikian diubah kepada dua sukukata dan urutan vokal tersebut menjadi satu dan berstruktur KVKV(K).

Bagi urutan vokal [ia], DNS mengubahnya kepada bunyi 'a' sahaja, seperti:

<u>DNS</u>	<u>BMS</u>	
[sapo]	[siyapə]	'siapa'
[ŋagɔ]	[niyāga]	'niaga'

Bagaimanapun, apabila bunyi [ia] didahului oleh fonem 'b' di kedudukan awal kata, maka ia berubah menjadi 'ɛ'.

<u>DNS</u>	<u>BMS</u>	
[baso]	[biyasə]	'biasa'
[bəwaʔ]	[biyawaʔ]	'biawak'
[bəweh]	[biyawas]	'biawas'

Jika kata-kata dalam BMS menggunakan urutan vokal [ua] dan didahului oleh sebarang fonem konsonan, maka dalam dialek ini akan direalisasikan sebagai bunyi 'ɔ'.

<u>DNS</u>	<u>BMS</u>	
[tolo]	[tuwalə]	'tuala'

[kɔlɔ]	[kuwalə]	'kuala'
[sɔʏɔ]	[suwaʏə]	'suara'
[pɔsɔ]	[puwasə]	'puasa'
[bɔjɔ]	[buwajə]	'buaya'
[kɔsɔ]	[kuwasə]	'kuasa'

Dan rumus perubahan dari BMS kepada DNS dapat dihasilkan sebagai:

$$[ua] \longrightarrow \text{ɔ} / \# K \text{ } _ \text{KV(K)}$$

Satu perkara lagi ialah mengenai urutan fonem-fonem [əʏ] 'er' yang terdapat dalam BMS. Dalam dialek ini, hal seperti ini tidak berlaku kerana gabungan bunyi tersebut diubah menjadi bunyi vokal [ɔ] sahaja. Misalnya, [kɔdəh] 'kerdas', [kɔtəh] 'kertas', [kɔbau] 'kerbau', dan seumpamanya. Gejala seperti ini berlaku kerana bunyi 'r' selepas bunyi 'ə' memang jarang, malah tidak direalisasikan. Oleh itu, 'kertas' diucapkan sebagai [kɔtas] sahaja. Begitu juga dengan kata-kata lain yang seumpama dengannya. Seperti yang telah diuraikan terdahulu, vokal tengah [ə] menjadi [ɔ] dalam dialek ini.

Atur Rumus Perubahan Dari BMS kepada DNS

		/kerdas/	/kerbau/
1.	Pengguguran <u>r</u>	[kədas]	[kəbau]
2.	ə → ɔ	[kɔdas]	[kɔbau]
3.	as → əh	[kɔdəh]	-
4.	Hasilnya	[kɔdəh]	[kɔbau]

5.3.2. Morfologi

Di dalam bab yang lalu, penulis telah membicarakan tentang morfologi serta proses-proses morfologi dialek ini. Di antara lain yang telah disentuh ialah proses pengimbuhan atau afiksasi morfem terikat yang terdapat dalam dialek ini. Antara morfem-morfem terikat yang terdapat dalam dialek ini, di samping imbuhan [tɔ] dan [bɔ], imbuhan 'mɔN', 'pɔN', 'di' dan 'kan' jelas menampakkan perbedaannya.

Penambahan 'tɔ' dan 'bɔ', apabila diimbuhkan dengan kata-kata akar yang berawalkan vokal, akan berlaku penyisipan fonem 'g' seperti:

/tɔ - ambeʔ/ [tɔgambeʔ] 'terambil'

/tɔ - use?/	[ˈtɔguse?]	'terusik'
/bɔ - ɔlɛ?/	[ˈbɔgɔlɛ?]	'beralat'
/bɔ - ulɛ?/	[ˈbɔgule?]	'berulat'

Berlainan dengan BMS, apabila imbuhan 'ter' atau 'ber' diimbuhkan dengan kata-kata sedemikian tiada apa-apa perubahan berlaku. Misalnya, /tər-ambil/ menjadi [ˈtərambil], /bər-usik/ menjadi [ˈbəruse?] dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan proses pengimbuhan mɔN atau pɔN dalam dialek ini. Dalam dialek ini, awalan mɔ adalah opsional berbanding dengan BMS. Dengan demikian, terdapat kelebihan satu rumus. Ini berlaku setelah abstrak N berubah bentuk kepada fonem nasal yang hormoganik dengannya. Apabila N digugurkan, terhasillah alomorf kepada prefiksa mɔN, iaitu 'm', 'n', 'ŋ', 'ɲ' untuk satu-satu katakerja aktif. Dalam BMS, me dikekalkan penggunaannya dalam katakerja aktif walaupun setelah N berubah kepada bunyi nasal yang hormoganik dengan konsonan yang mengikutinya. Dalam dialek ini, konsonan awal kata yang menerima imbuhan meN atau peN digugurkan berbanding dengan BMS yang hanya menggugurkan konsonan yang tidak bersuara sahaja.

Proses Perlaksanaan Atur Rumus

a) <u>DNS</u>	/mɔN-gali/	/mɔN-ʝɔmpuʔ/
Rumus i	mɔŋ-gali	mɔŋ-ʝɔmpuʔ
Rumus ii	mɔŋ- ali	mɔŋ- ɔmpuʔ
Rumus iii	mɔŋali	mɔŋɔmpuʔ
Rumus iv (OPSIONAL)	ɣali	ŋɔmpuʔ
Hasilnya	[ŋʝali]	[ŋɔmpuʔ]

b) <u>BMS</u>	/meN-gali/	/meN-ʝempuʔ/
Rumus i	məŋ-gali	mən-ʝəmpuʔ
Rumus ii	- tiada -	
Rumus iii	məŋgali	mənʝəmpuʔ
Hasilnya	[məŋgali]	[mənʝəmpuʔ]

Bagaimanapun, proses pengimbuhan untuk kata-kata yang berawalkan konsonan tidak bersuara adalah sama untuk kedua-dua DNS dan BMS.

Mengenai akhiran, dialek ini hanya ada satu sahaja, iaitu 'an', dan ia berfungsi bagi menerbitkan katanama dan juga katakerja, berbanding dengan BMS, untuk katakerja akan digunakan 'kan' dan untuk kata-

nama pula akan digunakan akhiran 'an'. Dalam dialek ini, walaupun para penutur menggunakan akhiran sama ada bagi maksud katanama ataupun katakerja, mereka tahu membezakan antara katanama dan katakerja. Umpamanya, antara [mĩnãmãn] katakerja dengan [mĩnãmãn] katanama.

Prefiksa poN untuk DNS juga didapati menggugurkan semua konsonan selepas nasal N yang berubah kepada bunyi nasal yang homorganik dengan konsonan yang mengikutinya. Gejala ini tidak pernah wujud dalam BMS di mana hanya konsonan tidak bersuara sahaja digugurkan.

$$K \begin{matrix} \text{[-suara]} \end{matrix} \longrightarrow \emptyset / \left\{ \begin{matrix} m \\ n \\ ŋ \\ ʃ \end{matrix} \right\} -$$

Proses Atur Rumus

a) DNS

b) BMS

/poN-bohoŋ/

/pəN-bohoŋ/

Rumus i poN-bohoŋ

pəN-bohoŋ

Rumus ii poN-ohohŋ

-

Rumus iii poNohohŋ

pəNbohoŋ

Hasilnya [põmõhohŋ]

[pəmbəhoŋ]

Imbuhan awalan 'di' pula apabila diimbuhkan dengan kata-kata akar yang berawalkan bunyi-bunyi vokal kecuali [i] akan mengalami penyisipan 'y'. Apabila 'di' diimbuhkan dengan kata akar yang berawalkan fonem 'i', maka satu bunyi 'i' digugurkan. Hal ini telah pun disentuh di dalam Bab 4 yang lalu. BMS tidak mengalami proses pengimbuhan sedemikian, sebaliknya akan menyisipkan bunyi glotal 'ʔ' bagi memisahkan kedua-dua bunyi vokal yang berdampingan. Oleh hal yang demikian, dalam proses pengimbuhan 'di' ini akan lahir kata-kata seperti [diyambeʔ] 'diambil', [diʔeloʔ] 'dielok', [diʔutaj] 'dihutang', [diʔintai] 'diintai', dan kata-kata ini masing-masing bersepadanan dengan [diʔambil], [diʔeloʔ], [diʔutaj], [diʔintai] dalam BMS.

5.3.3. Kata-Kata Daerah

Berikut disenaraikan di antara beberapa patah kata daerah yang masih dikekalkan penggunaannya di kalangan para penutur dialek ini terutama dari golongan generasi tua.

[pəŋʔolan]	'galah'
[ʔəntəʔ]	'diam'

[cogo?]	'tercatuk'
[nõŋgo?]	'duduk-duduk'
[tobo]	'kedudukan atau letak-nya satu-satu benda/tempat'
[sanũn]	'sana/situ'
[pomõŋã?]	'pembongong'
[bumĩn]	'terlalu gelap'
[golode ayon]	'terlalu kecil'
[bosa kolunẽh]	'terlalu kecil'
[mũygo]	'duduk'
[lɛlan]	'leka' atau 'khayal'
[soygan]	'masa kini'
[sokan]	'sekarang'
[laeh]	'keping - penjodoh bilangan untuk atap rumbia/nipah'
[poloseh]	'pemalas'
[pioh]	'pulas'
[kobo?]	'seluk'
[mõlayo?]	'berjalan-jalan'
[mõlampoh]	'banyak'
[mõmũto]	'tidur'
[mõmpulon]	'jatuh'
[dompa?]	'tumpul'

Dalam bab ini penulis telah cuba membuat perbandingan secara umum di antara BMS dengan DNS. Di antara lain yang telah disentuh termasuklah ciri-ciri fonologi dan morfologi yang mencakupi perbezaan mengenai penyebaran konsonan, vokal dan urutan vokal. Penulis juga telah menurunkan kelainan rumus bagi menghasilkan katakerja aktif yang menggugurkan awalan moN. Di samping itu telah juga disentuh perbezaan proses pengimbuhan poN 'peN', di, to 'ter', bo 'ber' dan akhiran an 'kan'. Di bahagian akhir bab ini penulis telah menyenaraikan di antara beberapa patah perkataan daerah yang masih terpakai terutama di kalangan generasi tua penduduk di daerah kajian penulis.

NOTA

1. Walaupun diftong juga merupakan urutan vokal, dalam perbincangan ini [ai], [oi] dan [au] tidak akan disentuh. Pemakaiannya adalah sama dengan BMS, terutama di kedudukan akhir kata. Misalnya, [lampai] 'lampai', [alau] 'halau', [kaloi] 'kaloi'. Sebaliknya, [ai] selepas konsonan di kedudukan awal kata akan menjadi vokal [ɛ]. Pemonoftongan berlaku pada kata-kata seperti 'hairan', 'syaitan' yang masing-masing diucapkan sebagai [ɛʔan] dan [satan].


Lampiran i

Jadual Bilangan Penduduk Daerah Rembau Mengikut Mukim
Mengikut Daftar Banci Penduduk Kerajaan Malaysia 1980

Luas Daerah Rembau = 101,670 ekar

Bil.	Nama Mukim	Jum. Penduduk		Jum. Besar Penduduk
		Lelaki	Perempuan	
1.	Batu Hampar	850	1015	1865
2.	Bongek	692	805	1497
3.	Chembung	2428	2614	5042
4.	Chengkau	904	927	1831
5.	Gadung	2536	2636	5172
6.	Kundur	782	886	1668
7.	Legung Hilir	736	887	1623
8.	Legung Hulu	374	439	813
9.	Miku	83	89	172
10.	Nerasau	861	1037	1898
11.	Pedas	2575	2444	5019
12.	Pilin	617	667	1284
13.	Selemak	1454	1721	3175
14.	Semerbuk	392	410	802
15.	Sepri	664	824	1488
16.	Tanjung Keling	919	1088	2007
17.	Titian Bintangur	2083	2269	4352
Jumlah Besar Penduduk Rembau		18950	20758	39708

PETA NEGERI SEMBILAN



NEGRI SEMBILAN

REFERENCE

0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 MILES

STATE BOUNDARY


RAILWAYS

ROADS



Peta Negeri Sembilan yang menunjukkan pecahan daerah-daerahnya. Kawasan kajian ialah daerah REMBAU - Kawasan yang bertanda tebal

Lampiran iv



Peta daerah Rembau yang menunjukkan sempadan antara mukim-mukim. Kawasan kajian ialah Mukim Tanjung Keling iaitu kawasan yang berlorek tebal.

B I B L I O G R A F I

BUKU-BUKU

Abd. Samad Idris (Tan Sri), 1968. Negeri Sembilan dan Sejarahnya. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.

_____, 1970. Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan. Seremban: Pustaka Asas Negeri.

Abdullah Hassan, 1974. The Morphology of Malay. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____(ed.), 1978. Rencana Linguistik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____, 1980. Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Pajar Bakti.

Abercrombie, David, 1967. Elements of General Phonetics. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Arbak Othman, 1980. Ilmu Linguistik. Kuala Lumpur: Pustaka Pengarang.

Asmah Hj. Omar, 1973. Morfologi-Sintaksis Bahasa Melayu (Malaya) dan Bahasa Indonesia: Satu Pola Perbandingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____, 1977. Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- _____, 1979. Pengimbuhan Dalam Bahasa Makassar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- _____, 1980b. Nahu Melayu Mutakhir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ayatroheidi, 1979. Dialektology: Sebuah Pengantar. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Bloch and Trager, 1942. Outline of Linguistics Analysis. Baltimore: Linguistic Society of America.
- Bloomfield, Leonard, 1935. Language. London: George Allen & Unwin.
- Brandstetter, R., 1957. Hal Bunyi Dalam Bahasa-Bahasa Indonesia. Jakarta: Pustaka Rakyat.
- Brown, C.C., 1956. Studies In Country Malay. London: Luzac & Co. Ltd.
- Chomsky, N. and Halle, M., 1968. The Sound Pattern of English. New York: Harper & Row.
- Farid M. Onn, 1980. Aspects of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Hendon, Rufus S., 1959. Phonology and Morphology of Ulu Muar Malay. Tesis PhD. University Yale, USA.
- Hockett, C.F., 1958. A Course in Modern Linguistics. New York: Mc Millan & Co.
- Jones, D., 1956. An Outline of English Phonetics. Cambridge: W. Heffer & Sons Ltd.

- Ladefoged, Peter, 1975. A Course In Phonetics.
USA: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Lutfi Abas, 1975. Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak, 1982. Aspek Bahasa dan Pengajaran. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Mees, C.A., 1967. Ilmu Perbandingan Bahasa-Austronesia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nida, A.E., 1963. Morphology: The Descriptive Analysis of Words (2nd. ed.). An Arbor: University of Michigan Press.
- Nik Safiah Karim, 1981. Beberapa Persoalan Linguistik Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- _____, 1978. Bahasa Malaysia Syntax. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Raja Mukhtaruddin b Raja Mohd Dain, 1979/1980. Kaedah dan Teknik Mengajar Bahasa. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ilmu.
- Samsuri, 1972. Bahasa dan Ilmu Bahasa dan Fonologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Schane, Sanford A., 1973. Generative Phonology. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Singh, Sadanand and Singh, Kala S., 1976. Phonetics: Principles and Practices. Baltimore: University Park Press.
- Trubetzkoy, N.S., 1971. Principles of Phonology. Berkeley: University of California Press.

inal Abidin Ahmad (Za'ba), 1965a. Ilmu Mengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____, 1965b. Pelita Bahasa Melayu 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

RTIKEL-ARTIKEL

Bakar Hamid, 1964. "Tinjauan Sepintas Lalu Tentang Fonologi," Dewan Bahasa. Jld. VIII, Bil. 3, Mac.

_____, 1964. "Morfologi: Satu Keterangan Ringkas," Dewan Bahasa. Jld. VIII, Bil. 4, April.

Abd Hamid Mahmood, 1982. "Morfologi Dialek Kelantan," Dewan Bahasa. Jld. 26, Bil. 8/9, Ogos/September.

Asmah Hj. Omar, 1980a. "The Kedah Dialek: Its Distribution, Development and Role In The Kedah Speech Community," Darulaman: Essays on Linguistics, Cultural and Socio-Economic Aspects of the Malaysia State of Kedah. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Collins, James T., 1981. "Bahasa dan Dialek: Perancangan dan Pendidikan," Dewan Bahasa. Jld. 25, Bil. 12, Disember.

arid M. Onn, 1980a. "Perubahan Bahasa dari Kajian Dialek; Satu Pendekatan Tatabahasa Generatif," Dewan Bahasa. Jld. 24, Bil. 8, Ogos.

I Hassan Mohd Ali, 1963. "Sedikit Mengenai Penambahan," Dewan Bahasa. Jld. VII, Bil. 4, April.

Ismail Hussein, 1973. "The Malay Dialect in The Peninsula," Nusantara. Bil. 3, Januari.

Kamaruzaman Yahya, 1963. "Pelat Bahasa dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat," Dewan Bahasa. Jld. VII, Bil. 5, Mei, dan Bil. 6, Jun, serta Bil. 7, Julai.

Mangantar Simanjuntak dan Ramli Salleh, 1980. "Perubahan-Perubahan Bunyi Bahasa: Satu Kajian Kes Bahasa Melayu Melaka, (Bahagian 1 dan 2)," Dewan Bahasa. Jld. 24, Bil. 10, Oktober, dan Bil. 11, November.

Sharman Abu, 1973. "Satu Tinjauan Ringkas Tentang Bunyi-Bunyi Vokal Dalam Dialek Negeri Sembilan," Dewan Bahasa. Jld. XVII, Bil. 12, Disember.

_____, 1974. "Sistem Bunyi-Bunyi Konsonan Dalam Dialek Negeri Sembilan," Dewan Bahasa. Jld. 18, Bil. 6, Jun.

Wolfram, Walter A., 1966. "Linguistic Correlation of Social Differences in the Negro Community," Monograph Series of Languages and Linguistic, Report on the Twentieth Annual Round Table Meeting On Linguistic and Language Studies. Georgetown University Press, 22 November.

LATIHAN ILMIAH

Alias Hamid, 1979/1980. Dialek Bahasa Melayu Melaka: Satu Tinjauan Perbandingan. IBKKM.

Mastura @ Mispura Anuar, 1978/1979. Aspek Fonologi dan Morfologi Dialek Melayu Sarawak: Satu Kajian Preliminari. IBKKM.

Naseh Hassan, 1980/1981. Fonologi Sub-Dialek Terengganu: Kajian Kes Di Mukim Jenagor, Ulu Terengganu. Jabatan Persuratan Melayu.

Zuraidah Zulkeflee, 1981/1982. Pengaruh Dialek Negeri Sembilan Kepada Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia Standard Di Peringkat Sekolah-Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes Di Tampin. Jabatan Persuratan Melayu.

Tambahan

Pie, Mario and Graynov, Frank, 1960. A Dictionary of Linguistics. London: Peter Qwen.

Rembau: Daerah Kecil Berjiwa Besar. Seremban: Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan, 1982.